

09 OCT 2001

LIMA-Pertunjukkan

LIMA 01 BERMULA DENGAN PERTUNJUKKAN UDARA PELBAGAI KAPAL TERBANG

LANGKAWI, 9 Okt (Bernama) -- Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 2001 (LIMA 01) yang diadakan setiap dua tahun sekali bermula dengan pertunjukkan mengagumkan oleh beberapa pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Pameran segmen udara dan marin selama enam hari itu dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada pagi ini dengan pesawat-pesawat TUDM menguasai langit pulau legenda itu bersama gerakan-gerakan yang menarik dan menggerunkan.

TUDM memainkan peranan utama hari ini selepas beberapa pasukan aerobatik dari luar negara seperti Red Arrows dari Britain dan Thunderbirds dari Amerika Syarikat menarik diri daripada pameran itu kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

Pesawat TUDM jenis F/A-18D Hornet dan MiG-29N memulakan persembahan dengan menunjukkan keupayaan masing-masing dalam gerakan-gerakan yang menggerunkan tetapi dilaksanakan dengan begitu cekap sekali.

Kecekapan juruterbang-juruterbang TUDM mendapat pujian daripada mereka yang menyaksikannya termasuk juruterbang jet pejuang daripada tentera udara asing dan delegasi perniagaan.

Dua pesawat F/A-18D TUDM juga menunjukkan bagaimana pengisian bahan api di udara dilakukan menggunakan pesawat tangki KC-130 Hercules.

Persembahan oleh TUDM diteruskan dengan dua pesawat pengangkut C-130H menggugurkan 200 anggota tentera daripada Pasukan Atur Gerak Cepat Angkatan Tentera Malaysia.

Selepas TUDM menamatkan pertunjukan udara, para hadirin kemudian menyaksikan bagaimana operasi bom air dijalankan oleh pesawat pelbagai guna buatan Rusia, Beriev BE-200.

Pesawat itu yang juga boleh mendarat di air boleh digunakan untuk memadamkan kebakaran hutan. Ia dibina oleh Irkutsk Aviation, syarikat yang mengeluarkan jet pejuang Sukhoi SU-30MK.

Tidak ketinggalan, dua helikopter Mi-17 daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat juga mengadakan persembahan udara dengan beberapa anggota Pasukan Berbilang Kemahiran (MUST) turun menggunakan tali daripada helikopter itu.

Kemudian pulau pelancongan itu dikejutkan oleh deruman pesawat SU-27 Flanker yang dimajukan oleh Sukhoi Design Bureau dan diterbangkan oleh seorang juruterbang penguji daripada Institut Penyelidikan Penerbangan Gromov.

Helikopter penyerang Rooivalk keluaran Denel Aviation dari Afrika Selatan juga mewarnai langit Langkawi dengan persembahan udara untuk menunjukkan kebolehannya di udara dan gerakan-gerakan agresifnya.

Helikopter penyerang itu yang telah menyertai LIMA sejak ia diperkenalkan pada 1999 boleh membawa sehingga 16 "Mokopa" ataupun peluru berpandu anti kereta kebal dan roket 75mm.

Segmen udara LIMA 2001 diadakan di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) sementara Tanjung Malai merupakan venue bagi seksyen maritim.

-- BERNAMA

MHI PR